



KARNIVAL keluarga UTHM yang dihadiri lebih 4,000 orang berlangsung meriah di Batu Pahat, baru-baru ini.

Karnival keluarga UTHM meriah

BATU PAHAT 26 Feb. - Karnival keluarga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan di Dewan Konvokesyen universiti itu baru-baru ini berlangsung meriah.

Ia bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara ka-

kitangan UTHM dan keluarga masing-masing.

Karnival yang turut dihadiri Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan isteri, Prof. Dr. Maryati Mohamed itu disertai 4,000 keluarga kakitangan UTHM.

Pelbagai acara sukaneka diadakan termasuk tuju tin, tuju selipar, lari upih pinang, terompah gergasi, lari dalam guni, terompah gajah, kereta sorong, kaki hantu dan lari berkembar bola beracun.

Acara lain yang turut disediakan ialah dam haji, batu seremban,

congkak, konda kondi dan lompat getah.

Suasana karnival semakin meriah apabila acara cabutan nombor bertuhu yang menawarkan hadiah menarik seperti motosikal, televisyen plasma, basikal dan mesin basuh diumumkan.